



TAJUK KHUTBAH JUMAAT

Siri: 44 /2022

BIJAKSANA MENGURUSKAN PERBEZAAN PANDANGAN

9 Rabiul Akhir 1444H

Bersamaan

4 November 2022

DIKELUARKAN OLEH:

**JABATAN HAL EHWAL AGAMA
TERENGGANU**

PERINGATAN:

Adalah diingatkan bahawa sebarang penambahan dan pemindaan terhadap isi kandungan teks khutbah yang telah disediakan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu adalah **DILARANG**.

Khatib yang bertugas hendaklah menyemak kembali **RUKUN, AYAT AL-QURAN** dan helaian muka surat yang diterima. Pastikan teks dibaca terlebih dahulu sebelum menyampaikan khutbah.

KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلّٰهِ الْقَائِلِ إِنَّ الَّذِينَ فَرَّقُوا دِيْنَهُمْ وَكَانُوا شِيَعًا لَّسْتَ مِنْهُمْ فِي شَيْءٍ إِنَّمَا أَمْرُهُمْ إِلَى
اللّٰهِ ثُمَّ يُنَبِّئُهُم بِمَا كَانُوا يَفْعَلُونَ
أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ،
اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَاحْبِهِ أَجْمَعِينَ ، وَمَنْ تَبَعَهُمْ
بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ .
أَمَّا بَعْدُ - فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ -، أُوصِيْكُمْ وَنَفْسِيْ بِتَقْوَى اللّٰهِ، إِنَّ اللّٰهَ يُحِبُّ الْمُتَّقِينَ.

Wahai hamba-hamba Allah! Saya berpesan kepada tuan-tuan dan juga diri sendiri supaya bertaqwa kepada Allah. Sedarilah, taqwa adalah sebaik-baik persiapan dan bekalan untuk dibawa bertemu Allah swt pada hari akhirat nanti. Khutbah kali ini bertema:

“BIJAKSANA MENGURUSKAN PERBEZAAN PANDANGAN”

Sebagai ingatan, suka Khatib memperingatkan bahawa, mendengar khutbah adalah sebahagian kesempurnaan solat Jumaat itu sendiri. Oleh itu, sila beri tumpuan sebaik mungkin kepada khutbah yang disampaikan. Janganlah leka dengan apa juu perkara lain.

Sidang Jumaat yang dikasihi Allah.

Perbezaan pendapat, kecenderungan, keinginan, pilihan dan sudut pandang merupakan suatu lumrah dalam kehidupan manusia sejagat. Manusia tidak sentiasa berada pada satu garisan yang sama setiap masa. Perbezaan

pendapat bukanlah sesuatu yang tercela kerana ia adalah sunnatullah dalam ciptaan-Nya.

Allah SWT berfirman dalam Surah Hud: Ayat 118:



وَلَوْ شَاءَ رَبُّكَ لَجَعَلَ النَّاسَ أَمْمَةً وَاحِدَةً وَلَا يَرَى الْوَنَ مُخْتَلِفِينَ

Bermaksud: “Dan kalaulah Tuhanmu (wahai Muhammad) menghendaki, tentulah Dia menjadikan manusia umat yang satu. (Tetapi Dia tidak berbuat demikian) dan (kerana itulah) mereka terus-menerus berselisihan.”

Kaum muslimin yang dikasihi.

Khilaf atau perbezaan pendapat ini berlaku dalam urusan hukum-hakam, terutama dalam isu cabang dalam agama. Ini dapat kita lihat dalam perbezaan pendapat antara ulama dalam memahami pelbagai isu dan masalah. Dari perbezaan pendapat sebeginilah lahirnya mazhab-mazhab fiqh dan terkumpulnya khazanah harta intelek milik umat Islam. Perselisihan pandangan ini banyak memberi ruang kelegaan kepada umat manusia.

Khalifah Umar Abdul Aziz berkata: “Aku tidak suka jika para sahabat Rasulullah SAW tidak berselisih pandangan. Apabila mereka bersepakat pada satu pendapat, maka seseorang yang berbeza pendapat akan dihukum sesat. Adapun jika mereka berselisih, lalu ada yang mengambil pendapat ini dan yang lain mengambil pendapat berbeza, dalam perkara ini ada kelapangan.”

Imam Malik pernah berkata kepada Khalifah Harun Ar-Rasyid ketika mazhabnya hendak diwajibkan ke atas rakyat: “Wahai Amirul Mukminin! Sesungguhnya perselisihan ulamak adalah rahmat Allah ke atas umat ini. Semua orang

berpandukan dalil yang sahih pada pandangan masing-masing. Semua orang berada di atas hidayah dan semua mereka mencari keredhaan Allah SWT.”

Di zaman Rasulullah SAW berlaku perselisihan pandangan di kalangan sahabat radhia Allahu anhum. Rasulullah SAW menerima perbezaan pandangan ini sebagai satu proses kematangan membina kefahaman dan menyuburkan potensi serta keupayaan berijtihad. Sebagai contoh, Rasulullah SAW pernah bersabda:

لَا يُصَلِّيَنَّ أَحَدٌ مِّنْ أَهْلِ الْعَصْرِ إِلَّا فِي بَنِي قُرَيْظَةَ

Bermaksud: “Janganlah seorang dari kamu bersolat Asar melainkan di perkampungan Bani Quraizhah.”

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim).

Para sahabat yang telah ditugaskan pergi ke perkampungan Bani Quraizhah, mereka berselisih pendapat mengenai hal ini. Ada yang mengambil penjelasan secara zahir dari perkataan Rasulullah SAW, iaitu perintah supaya dilaksanakan solat Asar hanya setelah sampai ke perkampungan tersebut walaupun terlewat dari waktu. Manakala ada kalangan sahabat yang menafsirkan semangat dari maksud arahan Nabi tersebut ialah supaya bersegera sampai ke destinasi yang diarahkan, lalu mereka bersolat Asar di awal waktu sebagaimana keutamaannya walaupun belum tiba di destinasi. Baginda tidak menyalahkan mana-mana pihak dan memberi pengakuan terhadap perbezaan pandangan ini.

Sidang Jumaat *hafizakumullah*.

Para ulama telah menggariskan adab-adab yang perlu difahami dan dihayati oleh seorang muslim apabila berbeza pandangan. Adab-adab ini adalah warisan akhlak mulia yang ditinggalkan oleh ulama terdahulu untuk diamalkan berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah. Jika kita dapat menjaga adab-adab ini, insyaAllah segala isu khilaf ini dapat ditangani dengan baik dan harmoni.

Pertama: Berlapang dada.

Berlapang dada telah menjadi amalan di kalangan para ulama Salaf ketika berhadapan dengan khilaf sesama mereka. Walaupun terdapat banyak percanggahan pandangan, namun mereka tetap saling hormat-menghormati di antara satu sama lain dan tidak menyebabkan ikatan kasih sayang terlerai. Mereka mempunyai nilai akhlak dan adab yang tinggi selaras dengan satu prinsip yang dipegang iaitu : “Mazhab kami betul yang berkemungkinan ada salahnya. Mazhab selain kami salah yang kemungkinan ada betulnya.”

Kedua: Berprasangka Baik

Di antara akhlak asas yang penting di dalam pergaulan dan perhubungan sesama umat Islam ialah berprasangka baik kepada orang lain. Sebaliknya, prasangka buruk merupakan perangai jahat yang dikecam oleh al-Quran.

Ketiga: Berusaha Menyatukan Pendapat.

Mencuba sedaya-upaya yang mungkin untuk menghindari permasalahan khilafiyyah yang boleh mendatangkan fitnah kepada golongan awam. Berpegang teguhlah dengan etika perbincangan dan hindarkan diri dari perdebatan dan perbalahan yang tidak menguntungkan Islam. Kita juga perlu berusaha untuk menyatukan pendapat yang pelbagai sekiranya ia boleh

disatukan dengan didasari akhlak dan adab Islam. Ini kerana tugas menyatukan umat supaya tidak berlaku perpecahan adalah tanggungjawab bersama.

Kesimpulannya, perbahasan masalah khilafiyah ini tidak wajar diperbesarkan dan saling menyalahkan antara satu sama lain. Ini kerana khilaf dalam masalah ‘furu’ (cabangan) suatu yang tidak dapat dielakkan. Apa yang penting bagi umat Islam ialah berganding bahu menegakkan Syariat Islam dalam diri, rumahtangga, masyarakat dan negara. Sesungguhnya perbalahan mengakibatkan permusuhan sesama sendiri dan hanya merosakkan kesatuan umat, mencacatkan keharmonian serta menempah kelemahan dan kekalahan kaum muslimin.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَأَطِيعُوا اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَلَا تَنْزَعُوا فَنْشُلُوا وَتَذَهَّبُ رِيحُكُمْ وَاصْبِرُوا إِنَّ اللَّهَ مَعَ

الصَّابِرِينَ

٤٦

Bermaksud: “Dan taatlah kamu kepada Allah dan RasulNya, dan janganlah kamu berbantah-bantahan; kalau tidak nescaya kamu menjadi lemah semangat dan hilang kekuatan kamu, dan sabarlah (menghadapi segala kesukaran dengan cekal hati); sesungguhnya Allah beserta orang-orang yang sabar.”

(سورة الأنفال : 46)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ.
وَنَفَعَنِي وَإِلَيْكُمْ مَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ.
وَتَقَبَّلَ اللَّهُ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ لِرَحِيمٍ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ. وَأَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ
أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ،
وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

مَعَاشِرَ الْمُسْلِمِينَ رَحِمَكُمُ اللَّهُ،

Marilah juga kita memperbanyakkan ucapan selawat dan salam kepada Rasulullah SAW sebagaimana firman Allah dalam surah al-Ahzab ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَكِيَ كَتَهُ يُصَلِّوْنَ عَلَى النَّبِيِّ يَتَأَيَّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُوْأَعَلَيْهِ وَسَلِمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى
سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى
آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ
فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمَنَاتِ، وَالْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ حَبِيبُ الدَّعَوَاتِ.

اللَّهُمَّ ادْفِعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ مَا لَا يَصْرُفُهُ غَيْرُكَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ وَالْجُنُونِ وَالْجُذَامِ وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ. اللَّهُمَّ
اشْفِ مَرْضَانَا وَارْحَمْ مَوْتَانَا، وَالْطُّفْ بِنَا فِيمَا نَزَّلَ بِنَا.

اللَّهُمَّ احْفَظْ مَوْلَانَا الْوَاثِقَ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ زَيْنَ الْعَابِدِينَ، إِبْنَ الْمَرْحُومِ
السُّلْطَانِ مَحْمُودِ الْمُكْتَفِي بِاللَّهِ شَاهِ، وَأَنْزِلِ الرَّحْمَةَ عَلَيْهِ وَعَلَى السُّلْطَانَةِ نُورُ
زَاهِرَةِ، سُلْطَانَةِ تَرَغْكَانُو.

وَاحْفَظْ أَوْلَادَهُ وَأَهْلَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ فِي الدُّنْيَا وَالآخِرَةِ،
بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ وَلِيَ الْعَهْدِ تَغْكُو مُحَمَّدَ إِسْمَاعِيلَ إِبْنَ الْوَاثِقِ بِاللَّهِ السُّلْطَانِ
مِيزَانَ زَيْنَ الْعَابِدِينَ.

Ya Allah, wahai Zat Yang Maha Pengasih.

Hindarilah kami daripada segala malapetaka, bala bencana dan wabak penyakit, daripada kekejian dan kemungkaran, daripada pelbagai persengketaan, kekejaman dan huru hara, daripada kesulitan dan kesengsaraan, yang nampak mahupun yang tersembunyi.

Sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas segala sesuatu.

رَبَّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقَنَا عَذَابَ النَّارِ.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ.

وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ!

أَذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعْمَتِهِ يَزِدُّكُمْ،

وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

قُوْمُوا إِلَى صَلَاتِكُمْ، يَرْحَمَكُمُ اللَّهُ.

